



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

Program Bahasa Melayu Sekolah Menengah

SM3

Sinopsis Novel

Tawanan Komander Caucasus

Tema • Persoalan • Watak • Perwatakan

Nama : _____

Tema

Tema novel ini ialah **kegigihan remaja berdepan dengan berbagai-bagai cabaran dan rintangan**. Farhani gigih berdepan dengan berbagai-bagai cabaran seperti peristiwa dia ditawan oleh Komander Caucasus dan peristiwa dia terpaksa menyelamatkan diri ketika menjadi orang buruan tentera Komander Caucasus. Selain itu, kegigihan Farhani juga dapat dilihat berdasarkan peristiwa dia, Kim Yong, Dara Merah, dan kunang-kunang berusaha membebaskan Puteri Coleoptera, Bara dan tiga orang rakannya, iaitu Haikal, Devnath dan Wei yang telah menjadi orang tawanan dan dipenjarakan oleh Komander Caucasus. Farhani dan empat orang rakannya juga berusaha sedaya upaya untuk kembali ke pangkuan keluarga masing-masing.

Persoalan

- (a) **Perbezaan kehidupan dalam dimensi kumbang dengan dunia manusia**. Contohnya, Farhani dan Kim Yong dapat merasai dengan jelas perbezaan antara dimensi kumbang dengan dunia manusia dari segi ketumpatan udara dan tempoh masa berlakunya sesuatu kejadian atau peristiwa.
- (b) **Ketamakan kuasa hingga mengancam nyawa orang lain**. Contohnya, Puteri Coleoptera terpaksa menyembunyikan dirinya dan berpindah-randah akibat diburu sekali gus diancam bunuh oleh Komander Caucasus dan tenteranya yang tamak dan berhasrat untuk menjadi pemerintah kerajaan kumbang.
- (c) **Keinginan untuk menakluki dunia dan menguasai manusia**. Contohnya, Komander Caucasus telah menawan dan mengurung Kim Yong di dalam tabung uji balang kaca di makmal rahsianya. Kim Yong dikurung kerana dia akan dijadikan bahan uji kaji bagi tujuan mencapai cita-cita Komander Caucasus yang mahu menguasai manusia dan menakluki dunia.

(d) **Kepatuhan dan kesetiaan pengikut terhadap ketua/pemimpin.** Contohnya, tentera kumbang Caucasus dan pengikutnya amat patuh dan setia terhadap Komander Caucasus. Begitu jugalah dengan kumbang daripada kaum Bara dan spesies kumbang Sang Ubi yang juga patuh dan setia terhadap Puteri Coleoptera.

(e) **Kasih sayang ibu bapa yang mendalam terhadap anak-anak.** Contohnya, Puan Lee, iaitu ibu Kim Yong dan Puan Asmah, ibu Farhani amat bersedih dengan kehilangan anak mereka yang dilaporkan hilang sewaktu pergi mencari kumbang di kawasan pinggir hutan di kampung mereka.

(f) **Tanggungjawab murid dalam menyempurnakan tugas.** Contohnya, Farhani, Mira dan Chea Mei begitu bersemangat untuk melaksanakan tugas yang telah diberikan oleh Cikgu Salimah. Kehilangan Farhani juga dikaitkan dengan tindakannya mencari kumbang seorang diri untuk menjayakan projek zoo mini di sekolahnya yang diilhamkan oleh Cikgu Salimah.

(g) **Semangat setia kawan yang tinggi.** Contohnya, Haikal, Devnath dan Wei sanggup menanggung risiko pergi semula ke rumah usang pada waktu malam semata-mata untuk menjejaki kehilangan Farhani atas dasar sifat setia kawan yang tinggi antara mereka.

(h) **Kesungguhan mempertahankan seni budaya dan warisan.** Contohnya, nenek Chea Mei sangat berbangga akan dirinya yang berketurunan Baba dan Nyonya. Dia mahir dalam ilmu sulaman dan sentiasa memakai pakaian tradisional yang diadaptasi daripada pakaian Melayu, iaitu kebaya nyonya.

(i) **Toleransi yang utuh antara remaja berbilang kaum.** Contohnya, Devnath dan Wei menghormati cara hidup Haikal sebagai seorang Muslim walaupun mereka berbeza fahaman agama dan bangsa. Mereka memahami punca kelewatan Haikal tiba ke tempat mereka berkumpul disebabkan Haikal perlu menunaikan solat isyak terlebih dahulu.

Watak dan Perwatakan

- (a) **Watak utama** dalam novel ini ialah **Farhani**.
- (b) **Watak-watak sampingan** dalam novel ini pula terdiri daripada Kim Yong, Haikal, Devnath, Wei, Komander Caucasus, Puteri Coleoptera, Bara, Dara Merah, Dara Bintik, Cikgu Salimah, Encik Adnan, Puan Asmah, Puan Lee, James Ren, Mira, Ren Chea Mei, Nenek Chea Mei, Maharaja Tanduk, kunang-kunang, tentera kumbang dan sebagainya.

Farhani

- (a) Farhani ialah **watak utama** dalam novel ini.
- (b) Dia berusia **13 tahun**.
- (c) Dia merupakan **anak bongsu** daripada **enam orang adik-beradik**. Dia mempunyai tiga orang abang dan dua orang kakak.
- (d) Dia merupakan **murid Tingkatan Satu Arif** dan sedang belajar di **Sekolah Menengah Seri Kencana**.
- (e) Bapanya bekerja sebagai **renjer hutan** manakala ibunya **seorang suri rumah**.
- (f) Seorang yang **cekal** dan **tabah**. Contohnya, Farhani cekat menempuh semua dugaan dan rintangan yang berlaku sepanjang dia menjadi tawanan Komander Caucasus.
- (g) Seorang yang **penyayang**. Contohnya, Farhani amat menyayangi ibu bapa dan ahli keluarganya.
- (h) Seorang yang **bertanggungjawab**. Contohnya, Farhani berusaha mencari kumbang sebagaimana yang ditugaskan oleh Cikgu Salimah untuk menjayakan zoo mini serangga di sekolahnya.
- (i) Seorang yang **bijaksana**. Contohnya, Farhani bijak menyusun strategi untuk menumpaskan tentera kumbang Caucasus dengan menggunakan cecair

Endosulfan sewaktu menyelamatkan rakan-rakannya yang ditawan oleh Komander Caucasus.

(j) Seorang yang mempunyai sifat **simpati/belas kasihan**. Contohnya, Farhani bersimpati dan berkongsi kesedihan tentang kehilangan rakan sekelasnya, Kim Yong dengan menziarahi Puan Lee di rumahnya.

(k) Seorang yang **taat akan ibu bapa**. Contohnya, Farhani memaklumkan kepada ibunya tentang rancangannya untuk mencari kumbang di dusun milik datuknya pada suatu petang bersama-sama dengan Mira dan Chea Mei.

(l) Seorang yang **berani**. Contohnya, Farhani berani masuk ke dalam rumah usang seorang diri tanpa ditemani oleh sesiapaupun dan tanpa memikirkan bahaya serta keselamatan nyawanya.

(m) Seorang yang **mengenang budi**. Contohnya, Farhani mengucapkan terima kasih kepada Puteri Coleoptera yang telah menyelamatkan mereka berlima dan melayani mereka dengan begitu baik sepanjang berada dalam dimensi kumbang.

(n) Seorang yang **rajin**. Contohnya, Farhani rajin mengakses laman sesawang untuk mencari maklumat tambahan berkaitan pelbagai spesies kumbang yang akan dicarinya.

(o) Seorang yang **bijak menyimpan rahsia**. Contohnya, Farhani menyimpan cerita sebenar daripada pihak media tentang pengalamannya dan rakan-rakannya yang menjadi tawanan kumbang.

Watak-watak Sampingan

Komander Caucasus

(a) **Ketua tentera kerajaan kumbang** dan kumbang kepercayaan Maharaja Tanduk.

(b) Komander Caucasus berasal daripada kumbang spesies ***Chalcosoma Caucasus*** yang mempunyai sesungut yang panjang dan berketinggian satu setengah meter.

- (c) Komander Caucasus mempunyai pengikut setia yang terdiri daripada tentera kumbang daripada spesies yang sama.
- (d) **Berpandangan jauh dan bercita-cita besar.** Contohnya, Komander Caucasus menculik dan mengurung Kim Yong dan Farhani di dalam balang kaca tabung uji untuk dijadikan bahan uji kajinya bagi mencapai misi menakluki dunia dan manusia.
- (e) **Kejam dan zalim.** Contohnya, Komander Caucasus sanggup menculik dan mengurung Kim Yong dan Farhani di dalam balang kaca tabung uji untuk dijadikan bahan uji kajinya.
- (f) **Tamak akan kuasa.** Contohnya, Komander Caucasus telah berjaya merampas takhta kerajaan kumbang daripada Maharaja Tanduk dan berusaha memburu Puteri Coleoptera.
- (g) **Tegas.** Contohnya, Komander Caucasus berpendirian tegas dengan mengerahkan pasukan tenteranya mencari dan menangkap Farhani, Kim Yong, Haikal, Devnath, Wei, Bara, dan Puteri Coleoptera.
- (h) **Pendendam.** Contohnya, Komander Caucasus mendendami manusia yang dianggap sebagai penyebab kematian kaumnya dan menjadikan kumbang sebagai bahan uji kaji hingga mengancam spesies mereka.

Kim Yong

- (a) Dia merupakan **anak tunggal kepada Puan Lee.** Bapa kandungnya telah meninggal dunia.
- (b) Dia mempunyai **seorang bapa tiri** yang garang, iaitu **Encik Kwok.**
- (c) Dia merupakan **pewaris tunggal kekayaan milik bapanya** yang merupakan **seorang hartawan di bandar itu** yang memiliki beberapa buah kilang dan syarikat di dalam dan di luar negara.
- (d) Dia merupakan **rakan sekelas Farhani di Tingkatan Satu Arif.**
- (e) Seorang yang **sering menyisihkan diri dan enggan bergaul** dengan rakan-rakan sekelasnya.

- (f) Seorang yang dianggap **sombong dan angkuh** oleh rakan sekelasnya.
- (g) Seorang yang **meminati haiwan kumbang** apabila dia memiliki sebuah zoo mini di pekarangan rumahnya yang menempatkan pelbagai spesies kumbang.
- (h) Seorang yang **baik hati**. Contohnya, dia mengucapkan terima kasih setelah Farhani memberikannya air minuman.
- (i) Seorang yang **sedar akan kesilapan**. Contohnya, dia memohon maaf daripada Farhani atas sikap sombongnya.
- (j) Seorang yang **mengamalkan semangat bekerjasama**. Contohnya, Kim Yong bekerjasama dengan Farhani, Dara Merah, dan kunang-kunang mengatur strategi untuk membebaskan Puteri Coleoptera, Bara, Maharaja Tanduk dan rakan-rakannya yang menjadi tawanan Komander Caucasus.

Puteri Coleoptera

- (a) Puteri Coleoptera merupakan **anak saudara Maharaja Tanduk**.
- (b) Puteri Coleoptera merupakan **pewaris takhta koloni kumbang** selepas ayahandanya mangkat.
- (c) Puteri Coleoptera ialah **kumbang betina** daripada spesies *Chrysomelidae* yang memiliki cangkerang yang amat cantik berwarna kehijauan, berkilat dan bersesungut panjang.
- (d) **Tertib dan sopan**. Contohnya, Puteri Coleoptera makan dengan begitu tertib.
- (e) **Murah dengan senyuman**. Contohnya, Puteri Coleoptera tersenyum apabila berbicara dengan Farhani walaupun baru pertama kali mereka bertemu.
- (f) **Baik hati**. Contohnya, Puteri Coleoptera mempelawa Farhani dan Kim Yong menjamu selera bersama-samanya.
- (g) **Mengenang budi**. Contohnya, Puteri Coleoptera menghadiahi Farhani dan rakan-rakannya lambang kebesaran kerajaan kumbang yang diperbuat daripada logam perak yang berukir cantik.

(h) **Bijak**. Contohnya, Puteri Coleoptera sentiasa berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain untuk mengelakkan tempat tinggalnya dikesan oleh Komander Caucasus yang sedang giat memburunya.

(i) **Bersikap jujur dan berterus-terang**. Contohnya, Puteri Coleoptera meluahkan rasa kesalnya tentang sikap tamak dan gila kuasa Komander Caucasus yang bercita-cita besar untuk menakluki dunia dan menguasai manusia.

Haikal

(a) Dia ialah **rakan sekelas Farhani di kelas Tingkatan Satu Arif**.

(b) Seorang yang **gemar menyakat rakannya**. Contohnya, dia menyakat Mira yang percaya akan kewujudan makhluk halus dan hantu.

(c) Seorang yang **berani**. Contohnya, Haikal mengajak Devnath dan Wei kembali semula ke rumah usang pada waktu malam semata-mata untuk menjejaki kehilangan Farhani.

(d) Seorang yang mempunyai **sifat setia kawan yang tinggi**. Contohnya, Haikal sanggup pergi ke rumah usang pada waktu malam untuk menjejaki kehilangan Farhani disebabkan hubungan persahabatan yang akrab antara mereka.

(e) Seorang yang **berfikiran rasional**. Contohnya, Haikal meminta Cikgu Salimah, Mira dan Chea Mei hanya menunggu di luar rumah usang demi keselamatan mereka.

(f) Seorang yang **taat akan ajaran agama**. Contohnya, Haikal menunaikan solat isyak terlebih dahulu sebelum keluar dari rumah untuk bertemu dengan Devnath dan Wei.

(g) Seorang yang mempunyai **sifat simpati/belas kasihan**. Contohnya, Haikal turut bersimpati dan berkongsi kesedihan tentang kehilangan rakan sekelasnya, Kim Yong dengan menziarahi ibu Kim Yong, iaitu Puan Lee di rumahnya.

(h) Seorang yang **bijak menyimpan rahsia**. Contohnya, Haikal dan empat orang rakannya merahsiakan cerita sebenar tentang mereka menjadi tawanan tentera kumbang daripada pihak media, ibu bapa, masyarakat kampung dan warga sekolah.

Devnath dan Wei

(a) Mereka merupakan **rakan sekelas Farhani, Haikal dan Kim Yong di Tingkatan Satu Arif**.

(b) **Devnath** merupakan **anak lelaki tunggal** dan **anak bongsu** daripada empat beradik. **Bapanya** bernama **Ramakrishnan** yang merupakan **pesara pegawai tentera** tetapi telah meninggal dunia dua tahun yang lalu.

(c) Mereka mempunyai **sifat setia kawan yang tinggi**. Contohnya, Devnath dan Wei sanggup menurut ajakan Haikal untuk kembali ke rumah usang pada waktu malam bagi menjejaki kehilangan Farhani disebabkan hubungan persahabatan yang akrab antara mereka.

(d) Devnath merupakan **seorang yang insaf dan sedar** akan kesilapan yang dilakukannya. Contohnya, Devnath menyesali tindakannya yang tetap keluar pada waktu malam untuk bertemu dengan Haikal dan Wei walaupun dilarang oleh ibunya.

(e) Devnath dan Wei **menepati janji**. Contohnya, mereka berdua merahsiakan cerita sebenar tentang mereka menjadi tawanan tentera kumbang daripada pihak media, ibu bapa, masyarakat kampung dan warga sekolah.

(f) Devnath dan Wei **menghormati adat resam dan agama orang lain**. Contohnya, mereka berdua memahami sebab Haikal terlewat tiba kerana Haikal perlu bersembahyang isyak terlebih dahulu.

Mira dan Chea Mei

(a) Mereka merupakan **rakan sekelas Farhani, Baikal dan Kim Yong di Tingkatan Satu Arif**.

- (b) **Chea Mei** berbangsa **baba nyonya** dan nama penuhnya, **Ren Chea Mei**.
- (c) **Bapa Chea Mei** bernama **James Ren** yang merupakan seorang ahli perniagaan. Bapanya seorang yang **bersikap tegas** apabila melarangnya keluar rumah pada waktu petang.
- (d) **Bapa Mira** bernama **Encik Zainal** dan **ibu Mira** bernama **Puan Mariah**.
- (e) Mereka **mengamalkan semangat bekerjasama**. Contohnya, Mira, Chea Mei dan Farhani telah bersetuju untuk sama-sama mencari kumbang di dusun milik datuk Farhani.
- (f) **Mira** merupakan seorang yang **mempercayai kepercayaan tahyul** apabila dia percaya akan kewujudan makhluk halus.
- (g) **Chea Mei** pula merupakan seorang yang **jujur dalam berkata-kata**. Contohnya, dia telah mengemukakan pertanyaan kepada Cikgu Salimah berkaitan dengan kumbang yang perlu dicarinya.

Cikgu Salimah

- (a) Seorang **guru sains, guru kelas Tingkatan Satu Arif** dan **berumur 25 tahun**.
- (b) Seorang yang **bertanggungjawab**. Contohnya, beliau mengajak sebilangan muridnya mencari Farhani di dusun datuk Farhani.
- (c) Seorang yang **berpendirian tegas**. Contohnya, Cikgu Salimah menegur kenakalan Haikal, Devnath dan Wei yang telah membuat bising di dalam kelas.
- (d) Seorang yang mempunyai **sifat simpati/belas kasihan**. Contohnya, Cikgu Salimah berulang-ulang kali menziarahi ibu bapa Farhani selepas kehilangan Farhani.
- (e) Seorang yang **penyabar**. Contohnya, Cikgu Salimah hanya mendiamkan diri apabila kehadirannya di rumah Farhani disambut dengan kata-kata sindiran oleh abang Farhani, iaitu Faris Akmal.

(f) Seorang yang **mempunyai sikap inovatif**. Contohnya, Cikgu Salimah telah mengilhamkan pembinaan zoo mini serangga di sekolahnya sebagai nilai tambah pada subjek Sains.


(g) Seorang yang **baik hati**. Contohnya, Cikgu Salimah membawakan buah tangan setiap kali dia berkunjung ke rumah ibu bapa Farhani.

Bara dan Dara Merah

(a) Bara dan Dara Merah merupakan kumbang yang **sangat patuh dan setia** terhadap Puteri Coleoptera.

(b) Dara Merah merupakan kumbang yang **berani membuat penyamaran**. Contohnya, Dara Merah telah menyamar sebagai Dara Bintik untuk menundukkan Maharaja Caucasus melalui minuman yang disediakaninya itu. Begitu jugalah dengan Bara yang berani mempertahankan Puteri Coleoptera namun dia turut ditangkap dan ditawan oleh tentera Caucasus.

Pelan Lokasi



The Smarter & Effective Learning Approach

@

Pusat Tuisyen Didikan Genius

No.2-1, Jalan 4/109E, Desa Business Centre, Taman Desa, 58100 Kuala Lumpur.

Tel: 03-7983 7650

<http://www.edubest.com.my>